


BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab ketiga ini, pengkaji membincangkan metodologi kajian secara terperinci. Kajian ini dianalisis secara kuantitatif. Kaedah ini dipilih kerana ia sesuai untuk mendapatkan data yang boleh dipercayai, ia merangkumi tiga aspek penting yang menjadi metod penyelidikan; iaitu instrumen kajian, responden kajian, dan prosedur kajian.



- **Soal selidik Strategi Membaca (ISM) atau (SORS)**
- **Demografi responden**
- **Ujian kemahiran membaca**
- **Pemerhatian**

3.2 Instrumen Kajian

Instrumen utama yang digunakan untuk mengumpul data ialah borang soal selidik dan ujian kemahiran membaca. Manakala pemerhatian pula dilakukan bagi menyokong data yang diperoleh daripada kedua-dua instrumen utama kajian.

3.2.1 Soal selidik

Soal selidik dibina untuk mendapatkan data bagi mencapai ketiga-tiga objektif kajian ini. Soal selidik dalam kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian; iaitu bahagian A dan bahagian B.

3.2.1.1 Soal Selidik Bahagian A

Soal selidik bahagian A berkaitan dengan maklumat demografi responden yang mengandungi maklumat umum responden kajian; seperti jantina, umur, jurusan pengajian, tahap pendidikan bahasa Arab, maklumat pengajian responden dan sebagainya.

3.2.1.2 Soal Selidik Bahagian B; iaitu Inventori Strategi Membaca (*Survey of Reading Strategies*)

Soal selidik bahagian B adalah untuk mengetahui penggunaan strategi membaca yang diamalkan oleh responden kajian. SORS adalah singkatan daripada *Survey of Reading Strategies* atau dalam bahasa Melayu adalah Inventori Strategi Membaca (ISM), ia direka oleh Mokhtari dan Reichard (2002). ISM atau SORS merupakan satu instrumen tinjauan

yang memberikan maklumat tentang strategi membaca yang digunakan oleh pelajar-pelajar semasa membaca teks dalam bahasa kedua atau bahasa asing. Soal selidik Strategi Membaca adalah dibina berdasarkan *Metacognitive-Awareness-of-Reading-Strategies Inventory* (MARSIS), awalnya dikembangkan oleh Mokhtari dan Reichard (2002) sebagai alat untuk mengukur kesedaran pelajar penutur asli bahasa Inggeris menggunakan strategi membaca ketika membaca teks akademik atau bahan-bahan pembelajaran yang berkaitan. Kebolehpercayaan konsistensi dalaman (ditentukan oleh *alpha Cronbach*) untuk tiga sub-skala, berdasarkan hasil dari siri analisis faktor, adalah sebagai berikut; Strategi Membaca Global, Strategi Penyelesaian Masalah, dan Strategi Sokongan. Kebolehpercayaan untuk skala secara keseluruhan adalah 93, menunjukkan saiz yang cukup dipercayai kesedaran metakognitif pelajar strategi membaca.

Dorongan utama untuk menggunakan *MARSIS* bagi mengembangkan *SORS* atau ISM adalah bagi membolehkan ia digunakan terhadap pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Untuk mencapai tujuan ini, tiga asas diguna sebagai semakan penting; pertama, perkataan dari beberapa item diperjelaskan supaya mudah difahami oleh pelajar bahasa (*English for Second Language*) ESL. Kedua, konsisten dengan kajian yang relevan tentang strategi membaca yang digunakan dalam semua bahasa (cf, Jimenez, Garcia, & Person, 1996), dua strategi yang jelas tidak digunakan oleh pembaca bahasa ibunda (B1) tetapi sering digunakan oleh pelajar bahasa kedua (B2) atau bahasa asing (BA) iaitu (“menterjemah daripada satu bahasa ke bahasa lain” dan “berfikir dalam bahasa ibunda dan bahasa sasaran ketika membaca”). Akhir sekali, dua item dikeluarkan iaitu (“meringkaskan maklumat yang dibaca” dan membincangkan apa yang dibaca dengan orang lain”) yang bukan secara khusus merupakan strategi membaca yang difahami dalam kajian metakognisi dan pemahaman

membaca. Setelah semakan dilakukan, kajian rintis untuk menguji kebolehpercayaan instrumen dijalankan terhadap pelajar *ESL* yang belajar di dua buah universiti di Amerika Syarikat, dan didapati hasil yang konsisten relatif terhadap kebolehpercayaan instrumen iaitu (kebolehpercayaan dalaman = 89 atau lebih baik), ia menunjukkan pada tahap yang wajar konsistensi dalam mengukur kesedaran dan penggunaan strategi membaca dalam kalangan pelajar bukan penutur asli bahasa Inggeris (Sheory & Mokhtari, 2001).

Inventori Strategi Membaca (ISM), seperti *MARSI*, digunakan untuk mengukur jenis dan frekuensi strategi membaca yang diamalkan oleh pelajar *ESL* ketika membaca teks-teks akademik dalam bahasa Inggeris (seperti buku teks, artikel jurnal, nota kelas, dan sebagainya). ISM terdiri daripada 30 item, masing-masing menggunakan 5 skala Likert mulai dari 1 (saya tidak pernah atau hampir tidak pernah melakukannya) untuk 5 (saya selalu atau hampir selalu melakukan hal ini). Pelajar diminta untuk membaca setiap kenyataan dan lingkaran nombor yang telah disediakan menunjukkan frekuensi strategi membaca yang digunakan oleh mereka yang terkandung dalam kenyataan itu. Semakin tinggi nombor tersebut, semakin kerap mereka menggunakan strategi yang berkaitan. *SORS* atau ISM mempunyai tiga kategori strategi membaca iaitu, strategi membaca global, strategi sokongan, dan strategi menyelesaikan masalah (strategi kognitif).

Strategi membaca Global terdiri daripada 13 items; item nombor satu hingga item nombor 13. Contoh strategi membaca global adalah:

- Menetapkan matlamat
- Mengulang kandungan teks
- Mengamalkan dan mengesahkan ramalan

- Menggunakan jadual, gambar rajah, dan bantuan berkenaan dengan percetakan untuk meningkatkan kefahaman dan mengenal pasti maklumat utama teks.
- Membuat tekaan tentang kandungan teks, dan mengesahkan tekaan tersebut.
- Menggunakan petunjuk konteks untuk meningkatkan kefahaman.

Strategi Penyelesaian Masalah pula terdiri daripada 8 item; item nombor 13 hingga item nombor 20. Contoh strategi menyelesaikan masalah adalah;

- Membaca secara perlahan-lahan dan berhati-hati.
- Membaca semula teks apabila hilang konsentrasi atau menghadapi kesulitan.
- Melaraskan kadar bacaan
- Menumpukan sepenuh perhatian kepada bacaan.
- Menggambarkan maklumat yang dibaca.
- Berhenti seketika untuk memahami bacaan.
- Membaca teks dengan kuat
- Meneka makna perkataan-perkataan yang tidak diketahui

Strategi Sokongan pula terbahagi kepada 9 item; iaitu item nombor 21 hingga item nombor 30. Contoh strategi sokongan adalah;

- Catat nota ketika membaca
- Membaca dengan suara yang kuat
- Membuat rumusan terhadap maklumat penting
- Membincangkan apa yang dibaca dengan orang lain
- Tanda isi penting dalam teks.
- Gunakan bahan rujukan.
- Farafraza maklumat teks.

- Merujuk kembali bacaan yang telah dibaca.
- Bertanyakan soalan kepada diri sendiri.

Memandangkan soal selidik ini telah dibina di dalam bahasa Inggeris, pengkaji telah mengambil langkah dengan menterjemahkannya dalam bahasa Melayu. Terjemahan ini dilakukan bagi memudahkan responden menjawab soal selidik dengan mudah kerana ia dikemukakan dalam bahasa ibunda mereka, iaitu bahasa Melayu. Di samping itu, ia juga dapat mengurangkan kekeliruan, serta tahap ketidakfahaman yang sering berlaku dalam kalangan pelajar, sekali gus dapat meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan.

Bagi memastikan terjemahan yang dibuat tepat sebagaimana soal selidik asal yang dibina dalam bahasa Inggeris, pengkaji telah merujuk kepada orang yang pakar di dalam bidang ini; iaitu Puan Rosyatimah Yassin, guru bahasa Inggeris di Universiti Teknologi Malaysia dan Institut Teakyo. Hasil daripada perbincangan ini, beberapa pengubahsuaian frasa telah dilakukan bagi memantapkan terjemahan tersebut. Walau bagaimanapun, pengubahsuaian ini tidak menjejaskan makna asal soal selidik yang berbahasa Inggeris.

3.2.2 Ujian Kemahiran Membaca

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, instrumen kajian ini turut mengandungi ujian kemahiran membaca. Ujian ini dibina bagi mengumpul data untuk mengetahui tahap pencapaian pelajar dalam bahasa Arab, ia akan dianalisis bagi menjawab objektif ketiga kajian; iaitu Mengenal pasti hubungan antara penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab dengan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu.

Soalan ujian kemahiran membaca ini dibina berdasarkan Taksonomi Bloom. Tatatingkat kesukaran yang diterangkan dalam Taksonomi tersebut terbahagi kepada enam, iaitu pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis, dan penilaian.

Pengetahuan; Kefahaman di peringkat ini dinilai dengan melakukan teknik memadan. Pelajar diminta memadankan gambar dengan ayat yang diberi. Penilaian ini sesuai digunakan untuk menguji kata arah. Melalui penilaian ini pelajar hanya perlu mengingat kembali perkataan-perkataan yang telah dipelajari untuk dijadikan pilihan jawapan. Jika menggunakan petikan sebagai rangsangan, soalan-soalan yang dibina untuk menguji kefahaman di peringkat ini haruslah berbentuk paling mudah. Jawapan bagi soalnya dapat dilihat dan dibaca terus daripada petikan yang telah diberikan.

Kefahaman; Menilai kefahaman di peringkat ini biasanya menggunakan satu petikan rangsangan. Setelah pelajar membaca petikan itu, mereka dikehendaki menjawab soalan kefahaman yang lebih tinggi aras kesukarannya jika dibandingkan dengan soalan bagi peringkat mengingat. Jawapan bagi soalan-soalan jenis kefahaman ini tidak tersurat dalam petikan, tetapi pelajar harus berfikir sebelum memberikan jawapan. Ia memerlukan tahap kefahaman yang tinggi oleh pelajar.

Aplikasi; Menguji kefahaman di peringkat ini memerlukan soala-soalan yang dapat mengaitkan maklumat yang diberi dalam petikan dengan pengalaman lampau pelajar.

Analisis; Penilaian di peringkat ini memerlukan pelajar membezakan, membahagikan, dan mengelaskan maklumat, data atau fakta yang dibaca oleh pelajar dalam petikan yang disediakan. Oleh itu teks yang digunakan untuk tujuan ini haruslah mengandungi banyak maklumat, untuk kemahiran tersebut, iaitu kemahiran membeza, membahagi, atau mengelaskan.

Sintesis; Soalan kefahaman peringkat ini mendorong pelajar untuk mencari dan mengumpul maklumat daripada petikan. Maklumat-maklumat ini kemudiannya digunakan oleh pelajar untuk membuat kesimpulan atau rumusan. Contohnya, selepas membaca petikan yang diberikan pelajar diminta memberi tajuk yang sesuai bagi petikan tersebut.

Penilaian; Soalan kefahaman di peringkat ini adalah bentuk soalan yang tertinggi mengikut mana-mana taksonomi domain kognitif. Di peringkat ini pelajar boleh membezakan sesuatu yang baik atau sebaliknya berdasarkan norma yang diterima umum.

3.2.3 Pemerhatian

Pengkaji melakukan beberapa sesi pemerhatian ringkas semasa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di dalam kelas responden kajian. Pemerhatian dibuat untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai penggunaan strategi membaca pelajar yang terlibat bagi menyokong data utama kajian. Melalui pemerhatian ini juga pengkaji dapat melihat sedikit sebanyak penggunaan strategi membaca yang digunakan oleh pelajar ketika di dalam kelas.

Bagi mengetahui tahap pencapaian terkini responden kajian dalam bahasa Arab, pengkaji mengukurnya dengan Ujian Kemahiran Membaca, seperti yang dinyatakan diatas. Kriteria pengukuran pencapaian pelajar pula adalah seperti berikut:-

Jadual 3.1 : Kriteria pengukuran pencapaian pelajar yang digunakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

80-100	A	4.00
75-79	A-	3.75
70-74	B+	3.50
65-69	B	3.00
60-64	B-	2.75
55-59	C+	2.50
50-54	C	2.00
45-49	C-	1.75
40-44	D	1.00
0-39	F	0.00

3.3 Sampel Kajian

Bagi tujuan persampelan, tidak semestinya ahli dalam populasi digunakan. Sekiranya daripada sampel sudah dapat memberi gambaran untuk memahami sesuatu masalah atau fenomena yang berlaku dalam populasi terbabit (Gall, Gall & Borg 2005). Manakala Othman (2001) dalam Hamidah (2007) menjelaskan bahawa dalam menentukan saiz sampel, perkara penting ialah sampel boleh mewakili dengan baik populasi yang dikaji, reka bentuk kajian dipilih dan kuasa statistik.

Justeru, pengkaji memilih kaedah persampelan mudah kerana kaedah ini adalah satu kaedah persampelan bagi mendapatkan maklumat secara mudah, cepat dan berkesan. Populasi kajian adalah 80 orang pelajar. Kesemua responden kajian adalah merupakan pelajar-pelajar daripada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia. Mereka terdiri daripada pelajar tahun satu sesi 2011/2012 yang mengambil kursus bahasa Arab 1 (*Mahāratul Istima' wal muḥādathah*) dan bahasa Arab 2 (*Mahāratul kitābah wal Qirāah*). Kursus ini merupakan kursus wajib Universiti Sains Islam Malaysia, dimana ia merupakan kursus wajib universiti yang wajib diambil oleh semua pelajar tahun satu universiti berkenaan. Daripada 80 orang pelajar, seramai 50 orang responden dipilih, 25 orang responden lelaki dan 25 orang responden perempuan.

3.4 Prosedur Kajian

Pengumpulan data merupakan satu proses yang sistematik untuk mendapatkan maklumat atau data, membuat pertimbangan dan seterusnya membolehkan seseorang membuat keputusan. Perkara penting yang mesti dipertimbangkan dalam kajian adalah prosedur kajian. Prosedur kajian ini melibatkan dua peringkat; iaitu peringkat pengumpulan data, dan peringkat penganalisan data.

3.4.1 Peringkat Pra Uji

Sebelum proses pengumpulan data dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan kajian rintis. Kajian rintis ini penting bagi menilai kesahan instrumen, sama ada ia benar-benar mampu mengukur penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab yang

digunakan oleh pelajar dan tahap pencapaian bahasa Arab mereka. Selain itu ia juga bertujuan untuk menilai tahap kesukaran soalan yang dikemukakan, tahap kefahaman bahasa yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, anggaran masa yang digunakan oleh responden untuk menjawab keseluruhan soalan dan perkara-perkara lain yang mungkin mengganggu proses pengumpulan dan analisis data yang sebenar.

Bagi menilai kesahan instrumen yang dibina, pengkaji telah merujuk dua orang pakar untuk melihat dan meneliti ketepatan instrumen yang dibentuk. Mereka adalah Dr. Mohd Zaki Bin Abdul Rahman, pensyarah bahasa Arab di UM dan Dr. Ahmad Fikri Bin Haji Hussin, penyelia bagi kajian ini. Setelah berpuas hati dengan instrumen yang dibina, pengkaji telah melakukan kajian rintis di salah sebuah universiti awam tempatan, seramai 30 orang responden telah digunakan dalam kajian rintis ini. Ciri-ciri responden yang dipilih menyamai ciri-ciri responden sebenar kajian ini.

Dalam kajian rintis ini, terdapat banyak kelemahan pada instrumen yang dibina, antaranya pemilihan perkataan dan ayat yang agak sukar untuk difahami dan terdapat juga soalan yang tidak jelas dan mengelirukan responden. Disamping itu terdapat soalan yang tidak dijawab oleh responden serta maklumat yang diberikan tidak lengkap. Dengan ini pengkaji telah memperbaiki segera kelemahan yang ada bagi memamatkan soal selidik dan soalan ujian kemahiran membaca yang dibina. Hal ini penting bagi memastikan tidak berlaku sebarang masalah dan kekeliruan dalam kajian sebenar.

Akhir sekali, berdasarkan pemerhatian serta cadangan, urutan item dalam Inventori Strategi Membaca (ISM) atau *SORS* asal telah disusun semula, strategi di bawah kategori yang sama diletakkan bersama-sama, supaya lebih mudah bagi pelajar untuk memahami

dan membezakan antara ketiga-tiga kategori strategi. Konsisten dalaman *SORS* disemak bagi kajian ini terbukti diterima.

3.4.2 Peringkat Pengumpulan Data

Sebelum pengumpulan data dilakukan, pengkaji terlebih dahulu meminta kebenaran daripada Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia bagi menjalankan kajian terhadap pelajar di fakulti berkenaan. Setelah kebenaran diperoleh pengkaji meneruskan prosedur pengumpulan data seperti yang telah dirancang, ia dilakukan dengan bantuan dua orang rakan.

Prosedur bagi mendapatkan data kajian telah melibatkan 80 orang responden kajian. Pengkaji mengambil masa selama dua jam bagi melakukan kutipan data melalui soal selidik dan ujian kemahiran membaca. Data dikutip pada 17 desember 2011, bermula pukul 11.00 pagi dan berakhir pada pukul 1.00 petang. Bagi memudahkan proses pengutipan data, pengkaji mengutip data ketika cuti am iaitu pada hari ahad. Waktu yang diperuntukkan adalah kurang daripada 30 minit untuk menjawab soal selidik membaca dan 1 jam 30 minit bagi menjawab soalan ujian kemahiran membaca, bergantung pada bahasa secara keseluruhan pelajar dan kemampuan membaca para pelajar.

Setelah menjelaskan tujuan soal selidik ini dijalankan, para pelajar diarahkan membaca setiap kenyataan menunjukkan seberapa kerap mereka menggunakan strategi yang dinyatakan, dengan menggunakan 5 skala Likert. Hal ini penting untuk mengingatkan para pelajar bahawa respon mereka untuk merujuk hanya pada strategi yang mereka gunakan ketika membaca teks bahasa Arab dan bahan-bahan pembelajaran yang berkaitan, bukan bahan bacaan ringan seperti akhbar dan majalah. Mereka juga diwajibkan menjawab

dengan jujur setiap kenyataan dalam soal selidik dan mereka juga digalakkan bertanya jika ada soalan yang tidak difahami.

Secara keseluruhan, pelajar hanya mengambil masa selama dua jam untuk menjawab kesemua soalan (bahagian A dan bahagian B). Oleh itu sesi pengutipan data tamat pada pukul 1.00 petang. Pengkaji mendapat kerjasama yang baik daripada responden dari sudut kehadiran dan disiplin.

3.4.3 Peringkat Analisis Data

Selepas kedua-dua sesi pengumpulan data selesai, semua kertas soalan ditanda dengan nombor R01 hingga R80. Kemudian, semua jawapan yang diberikan oleh responden kajian disemak. Data mentah yang diperolehi dianalisis menggunakan dua kaedah; iaitu pemarkahan dalam bentuk peratusan dan analisis menggunakan perisian *SPSS*. Pemarkahan dalam bentuk peratusan digunakan untuk menilai tahap pencapaian bahasa Arab responden kajian. Ujian kemahiran membaca adalah bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara penggunaan strategi membaca teks bahasa Arab dengan pencapaian pelajar dalam bahasa Arab (pencapaian pelajar diukur melalui ujian kemahiran membaca yang dijalankan).

Manakala data daripada soal selidik dianalisis menggunakan program *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 12*. Disebabkan tahap pengukuran kajian ini berada pada aras nominal, ordinal dan selang, maka dapatan-dapatan kajian dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Statistik deskriptif dalam bentuk min, sisihan piawai, frekuensi dan peratusan, ujian-*t* dan korelasi person *r* juga digunakan untuk menganalisa data yang diperolehi. Kekekapan dan peratusan digunakan untuk mendapat maklumat

mengenai latar belakang responden seperti jantina, aliran pengajian dan lain-lain yang berkaitan.

Jadual kekerapan frekuensi, peratusan dan sisihan piawai digunakan untuk mendapat jawapan bagi kekerapan penggunaan strategi membaca teks responden. Ujian-*t* digunakan bagi melihat sama ada wujud perbezaan penggunaan strategi membaca antara gender. Korelasi Pearson *r* pula digunakan bagi melihat hubungan antara dua pembolehubah iaitu; hubungan penggunaan strategi membaca bahasa Arab pelajar dengan pencapaian mereka dalam bahasa Arab. Kaedah korelasi pearson *r* digunakan pada aras signifikan $p < 0.05$. Nilai *r* di antara +1 dan -1 digunakan dalam perkiraan tersebut (sekiranya $r = +1$ bermakna terdapat korelasi yang tinggi antara dua pembolehubah, dan jika $r = -1$ bermakna sebaliknya, iaitu tidak terdapat korelasi antara dua pembolehubah berkaitan (Yahaya Mahamood, 2001).

3.5 Penutup

Kesimpulan daripada perbincangan bab ini adalah; data di dalam kajian ini dikumpul daripada dua kaedah; iaitu soal selidik, dan ujian kemahiran membaca, manakala kaedah pemerhatian pula digunakan untuk menyokong dan mengukuhkan data daripada soal selidik dan ujian kefahaman. Soal selidik yang diadaptasi daripada soal selidik Shaorey dan Mohktari (2002) digunakan untuk mencapai objektif pertama, kedua, dan sebahagian daripada objektif ketiga kajian ini, ujian kemahiran membaca yang dibina berdasarkan Taksonomi Bloom pula adalah untuk melihat pencapaian terbaru pelajar dalam bahasa Arab, dan ianya bagi mencapai sebahagian daripada objektif ketiga kajian.

Seramai 50 orang responden dipilih daripada 80 orang populasi pelajar yang merupakan pelajar tahun satu Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia. Satu kajian rintis dijalankan bagi menentukan tahap kesahan dan kebolehpercayaan soal selidik dan soalan ujian kemahiran membaca. Data mentah yang diperolehi melalui kedua-dua instrumen dianalisis menggunakan dua kaedah iaitu kaedah pemarkahan dalam bentuk peratusan dan juga kaedah penganalisan data menggunakan program perisian *SPSS versi 12*; sama ada secara deskriptif, inferensi, ujian-*t*, dan juga korelasi.